

4 FEB 1996

Ah Lek-Hotel

HOTEL AKAN HADAPI KEKURANGAN PEKERJA JIKA LANGKAH SEGERA TIDAK DIAMBIL

KUANTAN, 4 Feb (Bernama) -- Satu program besar-besaran akan dilancarkan April ini untuk menarik orang ramai menyertai latihan di bidang perhotelan kerana Kementerian Sumber Manusia menjangka industri itu akan menghadapi masalah kekurangan pekerja dalam masa beberapa tahun akan datang ini.

Menteri berkenaan Datuk Lim Ah Lek hari ini berkata, "kita menjangkakan jika langkah segera tidak diambil, industri perhotelan akan mengalami masalah kekurangan pekerja apabila lebih daripada 20 hotel bertaraf lima bintang di seluruh negara yang dalam pembinaan sekarang, siap tidak lama lagi".

Menurut beliau lagi program itu terutamanya akan ditumpukan kepada mereka yang telah tamat persekolahan dan berminat dalam bidang itu.

Latihan yang diberikan akan menggunakan peruntukan daripada Tabung Pembangunan Sumber Manusia, katanya kepada pemberita selepas menyerahkan bungkusan hamper kepada kira-kira 300 orang tua di sini.

Menurutnya sejak dilancarkan pada 1993, tabung itu kini mempunyai dana RM216 juta dan kira-kira 600,000 orang dalam pelbagai sektor telah menerima latihan menggunakan wang tabung itu. Bagi tahun ini sejumlah RM90 juta daripada wang tabung itu diperuntukkan untuk mengelolakan latihan di pelbagai sektor termasuk perhotelan.

Beliau berkata pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan pengusaha-pengusaha hotel dan meminta mereka terutamanya hotel yang mengalami masalah kekurangan pekerja menyertai program itu yang akan dilancarkannya sendiri.

Sekiranya hotel tidak mempunyai bilangan pekerja yang cukup maka perkhidmatan yang diberikan juga tidak baik, yang akhirnya tidak akan menggalakkan pelancong untuk datang ke negara ini.

Mengenai rancangan kerajaan menggunakan khidmat pesara kerajaan dan swasta serta suri rumah sebagai tenaga kerja sepenuh atau separuh masa bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan tahun baru 1996, Lim berkata kerajaan tidak akan memaksa sektor swasta dalam melaksanakannya.

Kerajaan menggalakkan mereka melaksanakannya tetapi tidak akan memaksa atau memberi insentif kepada mereka melaksanakannya.

Beliau juga berkata Kementerian itu masih dalam peringkat mengemaskini dan menyemak pindaan Akta Kerja 1955 bagi mendorong majikan mengambil suri rumah dan pesara sebagai kakitangan sepenuh atau separuh masa. -- Bernama.